



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan (keutamaan anak kelahiran Negeri Perlis atau pemastautin di Negeri Perlis) untuk mengisi jawatan seperti keterangan berikut:

1. a) **Jawatan** : Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
(Imam Pelapis) setara Gred 29
- b) **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana
- c) **Klasifikasi Perkhidmatan** : Sosial
- d) **Jabatan** : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis
- e) **Taraf Jawatan** : Kontrak (*Contract For Service*)
- f) **Jadual Gaji** : RM 1,493.00 dan elaun khas

2. **Syarat Lantikan** :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- iv. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab; atau

- v. Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- vi. Diploma dalam bidang tahfiz Al-Quran, pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- vii. Pemohon yang sedang berkhidmat dengan mana-mana jabatan/agensi kerajaan hendaklah memohon melalui ketua jabatan masing-masing.

3. Syarat Bahasa Melayu dan Bahasa Arab :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Arab pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Fungsi / Bidang Tugas :

- i. Bertanggungjawab dalam membantu Pegawai dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan program keagamaan;
- ii. Menyediakan laporan program dan aktiviti di masjid;
- iii. Menolong menguruskan perjalanan dasar pentadbiran masjid di peringkat Jabatan;
- iv. Menolong Pegawai dalam memberikan khidmat nasihat kepada imam-imam melalui kursus dan latihan berkaitan pengurusan pentadbiran masjid, kaunseling dan kepimpinan berdasarkan kepada modul-modul yang akan disediakan;
- v. Mengatur, menyusun dan memantau jadual pelaksanaan program dan aktiviti agama di masjid meliputi pengurusan, keceriaan dan pengimaran masjid; dan
- vi. Menjadi Imam di masjid yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs).

5. Cara Memohon

- i. Muat turun iklan & borang permohonan di laman sesawang **<https://jaips.perlis.gov.my>**; dan
- ii. Borang permohonan dan salinan dokumen sokongan yang lengkap hendaklah dihantar melalui pos/serahan tangan kepada:-

**Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis
Kompleks Islam Perlis
Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar
Perlis
(u.p : Bahagian Khidmat Pengurusan)**

- iii. Permohonan yang lewat diterima, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat tidak akan dipertimbangkan.

6. Tarikh Tutup Permohonan

Pada 15 Mei 2023 (Isnin) jam 4.30 petang.